Latihan

Betulkan kesalahan kata dan frasa yang terdapat dalam petikan.

Hindarkan Buli

Tatabahasa

BULI

Cara untuk Menghindari Pembuli

- ✓ Jauhkan diri **dari** pembuli.
- ✓ Elakkan bersendirian.
- ✓ Sentiasa berada **di dalam** kumpulan.

Tindakan Anda jika Dibuli

- ✓ **Tolong jangan** gentar.
- ✓ Ambil **peduli** dan segeralah bertindak.
- ✓ Laporkan kegiatan buli **ke** pihak sekolah.

Ayuh, kita bersama menangani akan gejala disiplin murid!

Isu buli dalam kalangan murid tidak seharusnya dipandang remeh kerana perlakuan ganas ini boleh mengancam keselamatan murid. Sewajarnya, masalah ini ditangani segera disebabkan kesannya pada murid amat membimbangkan. Mangsa buli akan menderita kerana didera bukan sahaja daripada segi fizikal namun mental dan emosi. Oleh kerana itu, program kesedaran wajar dilaksanakan di sekolah demi untuk mengatasi masalah ini. Di dalam program seperti ini, murid perlu diberi pendedahan tentang keburukan dan bahaya buli.

Gejala buli perlu ditangani secara serius oleh semua pihak termasuklah para murid-murid, guru-guru, ibu bapa dan anggota-anggota masyarakat yang lain. Janganlah meletakkan semata-mata harapan kepada pihak sekolah sahaja untuk menyelesaikan masalah ini. Semua pihak perlulah saling bantu-membantu dalam usaha membenteras gejala yang boleh menimbulkan gangguan ketenteraman dalam masyarakat kita.

Dapatkan maklumat tentang Program 3K yang dilaksanakan di sekolah anda.

Eksplorasi Minda

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1.	disebabkan	
2.	pada	
3.	daripada	
4.	namun	tetapi juga
5.	Oleh kerana	
6.	demi untuk	

LIVEWORKSHEETS

7.	Di dalam	
8.	para murid-murid, guru-guru	para murid, guru
9.	anggota-anggota	
10.	meletakkan semata-mata harapan	
11.	saling bantu-membantu	
12.	membenteras	

LIVEWORKSHEETS